

## Bungkus syabu seperti coklat

**K**UALA LUMPUR: Taktik yang digunakan cukup licik apabila seorang daripada dua lelaki rakyat Malaysia yang cuba menyeludup syabu ke Indonesia, Jumaat lalu dikesan membungkus kristal dadah terbabit menyerupai coklat dan gula-gula mahal.

Suspek yang dipercayai mendapatkan bekalan dadah terbabit dari Hong Kong didakwa cuba menyeludup hampir empat kilogram dadah itu ke Indonesia dengan menyamar pelancong asing.

Bagaimanapun, kedua-dua penjenayah terbabit yang cuba menyeludup dadah 'disko' berkenaan secara berasingan dalam tempoh tidak sampai sebulan dipatahkan selepas pihak berkuasa negara berkenaan menahan kedua-dua suspek sebaik tiba di pintu masuk negara itu.

Sumber polis Bukit Aman, berkata suspek pertama berusia 35 tahun diberkas pihak berkuasa Indonesia sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta, Jakarta pada jam 8 malam, kelmarin.

Suspek lelaki yang diperiksa kastam lapangan terbang terbabit menimbulkan rasa curiga sebelum disiasat rapi bagasi dibawa.

Hasil pemeriksaan, suspek yang mengambil penerbangan dari Hong Kong didapati menyembunyikan hampir dua kilogram kristal methamphetamine atau syabu dalam bagasinya.

Dianggarkan, pil khayal berkenaan bernilai lebih RM500,000.

Tangkapan terbaru itu adalah kes kedua dalam tempoh sebulan selepas seorang lagi lelaki warga Malaysia berusia 36 tahun ditahan pihak berkuasa negara terbabit kerana cuba menyeludup dadah pada 21 Mei lalu.

Suspek yang ditahan di lapangan terbang sama dikesan cuba menyeludup dadah jenis sama seberat 1.6 kilogram yang dibawa dari Hong Kong.